

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1990/91

Mac/April 1991

PDP 480 - Kaedah Mengajar Perdagangan dan Perakaunan

Masa : [3 jam]

Jawab DUA (2) soalan di Bahagian A dan DUA (2) soalan di Bahagian B

Bahagian A

1. Golen, S. (1980) dalam majalah "Journal of Business Education" menyatakan berbagai kriteria sebagai petunjuk dan panduan kepada seseorang guru mata pelajaran perdagangan agar mereka menjadi seorang guru pelajaran perdagangan yang berkesan dan berjaya. Nyatakan kriteria-kriteria yang perlu ada pada seseorang guru matapelajaran perdagangan dan keusahawanan, perakaunan/Kemahiran Hidup Bersepadu agar ianya menjadi seorang guru yang benar-benar berkesan.

(25 markah)

2. a) Nyatakan kedudukan mata pelajaran Perdagangan dan Keusahawanan di peringkat sekolah Menengah Rendah dalam KBSM (Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah) masa kini.
- b) Nyatakan matlamat serta objektif mata pelajaran Kemahiran Hidup.
- c) Berdasarkan tajuk-tajuk utama yang terdapat di bidang perdagangan dan keusahawanan pada mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu ini nyatakan nilai-nilai murni yang boleh diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran itu agar ianya berjaya mewujudkan insan yang seimbang bersesuaian dengan Falsafah Pendidikan Negara.

(25 markah)

...2/-

3. a) Apakah dia susutnilai?
b) Bagaimanakah kedudukan susutnilai ini dalam Akaun Aset Tetap dan Akaun Untung Rugi?
c) Dalam usaha untuk memberi kemahiran kepada pelajar-pelajar untuk menguasai konsep ini, nyatakan aktiviti-aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang boleh dilaksanakan dalam sesuatu pengajaran di Tingkatan IV dan V selama lapan puluh minit.

(25 markah)

BAHAGIAN B

4. a) Jelaskan secara ringkas konsep-konsep ini:-
i) Catatan Bergu.
ii) Akaun Nyata.
iii) Akaun Perseorangan.

- b) Berdasarkan konsep-konsep di atas serta sesuai dengan pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang menyesuaikan dengan persekitaran pelajar, senaraikan aktiviti-aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang boleh dilaksanakan agar pelajar-pelajar mudah memahami konsep tersebut.

Lakaran carta-carta serta lembaran kerja boleh juga digunakan untuk memudahkan penjelasan jawapan anda.

(25 markah)

5. Surat pekeliling ikhtisas bil. 4/1986 Kementerian Pendidikan Malaysia menyatakan dengan jelas tentang panitia mata pelajaran Kemahiran Hidup/Perdagangan dan Keusahawanan/Perakaunan perlu ditubuhkan. Bagaimanakah struktur dan organisasinya. Apakah peranan panitia mata pelajaran ini (nyatakan SEPULUH sahaja peranannya secara ringkas).

(25 markah)

...3/-

6. Penilaian mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu/Perdagangan dan Keusahawanan/Perakaunan adalah sesuatu yang perlu.

- (a) Berikan EMPAT sebab mengapakah penilaian pelajaran ini perlu dijalankan?
- (b) Apakah peranan penilaian dalam proses pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran ini?
- (c) Bagaimanakah caranya penilaian itu dilaksanakan pada domain kognatif, afektif serta psikomotor pada mata pelajaran ini? (khususkan di peringkat Sekolah Menengah Rendah).

(25 markah)

- oooOooo -

